

MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5

TAHUN 2023

BAHASA MELAYU

KERTAS 3

SET 1

UJIAN BERTUTUR

NASKHAH CALON

1. Modul ini mengandungi lapan soalan.
2. Pentaksir dikehendaki untuk mengemukakan satu soalan sahaja kepada setiap calon.

AMARAN

1. Modul ini ialah modul tertutup.
2. Kandungan modul ini tidak boleh disalin, dicetak semula atau dikeluarkan dengan apa-apa cara sekalipun.
3. Modul ini mestilah diserahkan kepada Ketua Pentaksir di dalam bilik peperiksaan sebaik sahaja peperiksaan tamat.

Isi Kandungan Taksiran Individu

Soalan 1: Jati diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan - Semangat Perpaduan

Soalan 2: Kebudayaan, Kesenian dan Estetika – Kraf Tangan

Soalan 3: Sains, Teknologi dan Inovasi - Kenderaan Mikromobiliti

Soalan 4: Alam Sekitar dan Teknologi Hijau - Melestarikan Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama

Soalan 5: Pertanian, Penternakan dan Perikanan - Pertanian Bandar


Soalan 6: Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan - Ekonomi Malaysia Berkembang Progresif

Soalan 7: Kesihatan dan Kebersihan - Pengambilan Vitamin D

Soalan 8: Keselamatan - Pencerobohan Perairan Malaysia

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 1**[40 markah]****TEMA: JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN**

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

SEMANGAT PERPADUAN

Menurut Kamus Dewan Perdana, perpaduan merupakan penyatuan dan darjah, serta jenis penyatuan yang dipamerkan oleh sesebuah masyarakat, ataupun kumpulan dan jiran. Tanpa perpaduan, amat mustahil kemajuan dan kesejahteraan hidup rakyat boleh dicapai. Antara kepentingan perpaduan dalam membentuk sesebuah negara yang maju ialah mampu meningkatkan ekonomi di sesebuah negara. Dengan wujudnya masyarakat yang aman dan harmoni, negara dapat menarik pelabur asing untuk melabur dan menjalankan aktiviti perdagangan. Kemasukan pelabur asing mempengaruhi kadar pertukaran wang yang membantu kepesatan ekonomi sesebuah negara. Sejak belakangan ini, Malaysia mengalami ketegangan politik yang menyebabkan pelabur asing menarik semula pelaburan mereka di Malaysia kerana bimbang berlakunya sesuatu di luar jangkaan.

Dipetik dan diubah suai daripada
Dewan Masyarakat 3 Februari 2023

SOALAN

1. Apakah yang dimaksudkan dengan perpaduan?
2. Nyatakan kepentingan perpaduan kepada negara.
3. Huraikan cara-cara untuk meningkatkan semangat perpaduan dalam kalangan warga sekolah.
4. Jelaskan dua kesan kepada masyarakat sekiranya semangat perpaduan tidak diamalkan.

TAMAT


BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 2

[40 markah]

TEMA: KEBUDAYAAN, KESENIAAN DAN ESTETIKA

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

KRAF TANGAN



Produk kraf tangan merupakan peralatan hiasan yang dihasilkan menggunakan tangan sepenuhnya. Pada awalnya, pertukangan kraf tangan dijalankan secara kecil-kecilan dan dijual di pasaran tempatan. Kraf tangan merupakan barang seni yang digemari oleh masyarakat kerana mempunyai tarikan yang tersendiri iaitu berunsurkan tradisional. Proses untuk menghasilkan kraf tangan agak rumit dan perlu dibuat secara teliti untuk mendapatkan hasil yang cantik supaya memperoleh permintaan yang tinggi daripada pelanggan. Tambahan pula, nilai estetika juga terdapat pada kraf tangan iaitu menggunakan tenaga manusia sepenuhnya tanpa bantuan alat berteknologi tinggi dan kebiasaannya bersifat sederhana. Terdapat pelbagai jenis kraf tangan yang dihasilkan seperti almari, kerusi, meja, pintu, cincin, tabung dan sebagainya.

Dipetik dan diubah suai daripada
<https://www.academia.edu/39175892/>


SOALAN

1. Mengapakah masyarakat menggemari produk kraf tangan?
2. Nyatakan nilai estetika yang terdapat pada produk kraf tangan.
3. Jelaskan dua cara untuk mempopularkan produk kraf tangan.
4. Huraikan manfaat-manfaat penghasilan produk kraf tangan kepada masyarakat setempat.

TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 3**[40 markah]****TEMA: SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

KENDERAAN MIKROMOBILITI

Dewasa ini, terdapat pelbagai jenis kenderaan termasuk kenderaan mikromobiliti. Kenderaan mikromobiliti merujuk kepada penggunaan kenderaan mikro, iaitu kenderaan dengan berat yang tidak melebihi daripada 350 kilogram dengan kelajuan tidak melebihi 45 kilometer sejam. Basikal, basikal elektrik, skuter elektrik dan papan selaju elektrik adalah antara kenderaan mikromobiliti yang sering digunakan. Secara umumnya, penggunaan kenderaan mikromobiliti ini mampu membantu dalam mengurangkan kenderaan peribadi di atas jalan raya. Di samping itu, kaedah ini dapat mengurangkan penggunaan tempat letak kereta dan kesesakan jalan raya. Penggunaan kenderaan mikromobiliti ialah cara yang lebih cekap untuk mengembala dalam jarak dekat. Faedah seterusnya, kos penghasilan kenderaan ini jauh lebih murah berbanding dengan motosikal, kereta, van dan bas.

Dipetik dan diubah suai daripada
Dewan Kosmik 12 Mei 2022

SOALAN

1. Apakah yang dimaksudkan dengan kenderaan mikromobiliti?
2. Nyatakan faedah penggunaan kenderaan mikromobiliti dari segi kos.
3. Jelaskan dua punca pengangkutan awam kurang mendapat sambutan di negara kita.
4. Huraikan langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil oleh pengguna jalan raya.

TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 4**[40 markah]****TEMA: ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU**

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

MELESTARIKAN ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, alam sekitar bermaksud suatu aset atau simpanan sumber alam sama ada berbentuk material dalam kelompok masyarakat, pada waktu dan tempat yang tertentu bagi menyempurnakan dan memenuhi keperluan manusia dari semasa ke semasa. Manakala, definisi alam sekitar berdasarkan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) ialah faktor-faktor fizikal yang mengelilingi kehidupan manusia. Hal ini termasuklah tanah, air, udara, iklim, bunyi, bau, rasa, faktor biologi, dan faktor sosial yang saling bergantung sesama sendiri antara faktor biologi dengan faktor fizikal. Jelaslah bahawa kepentingan manusia saling berhubungan dengan alam adalah untuk memastikan kelangsungan dan kesinambungan hidup di muka bumi ini. Oleh sebab itu, menjadi tanggungjawab setiap manusia untuk memelihara alam sekitar.

Dipetik dan diubah suai daripada
Dewan Kosmik 20 Disember 2021

SOALAN

1. Apakah definisi alam sekitar berdasarkan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)?
2. Nyatakan kepentingan manusia saling berhubungan dengan alam.
3. Jelaskan dua peranan ibu bapa memupuk budaya cinta akan alam sekitar dalam diri anak-anak.
4. Huraikan punca-punca generasi muda kurang menjaga alam sekitar.

TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 5**[40 markah]****TEMA: PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN**

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PERTANIAN BANDAR

Di Malaysia, Program Pertanian Bandar diperkenalkan pada tahun 2014 setelah pembentukan bahagian pertanian bandar di bawah Jabatan Pertanian Malaysia pada tahun 2010. Pertanian bandar biasanya dilakukan di kawasan terhad seperti kawasan terbiar, ruang kosong sama ada di atas bumbung rumah atau bangunan menggunakan beberapa kaedah seperti aeroponik dan fertigasi. Jumlah penduduk yang meningkat menyebabkan proses urbanisasi juga bergerak seiring dengannya. Kepesatan ini mengakibatkan masyarakat di bandar sukar mendapatkan bekalan bahan makanan yang mencukupi dan berkualiti. Jadi, pertanian bandar merupakan langkah terbaik untuk mengatasi masalah ini. Menurut kajian, masyarakat yang menjalankan pertanian bandar secara kecil-kecilan di kediaman masing-masing mampu mendapatkan bahan makanan yang segar, berkualiti dan bebas bahan kimia dalam menu harian masing-masing.

Dipetik dan diubah suai daripada
Dewan Ekonomi 25 Mei 2021


SOALAN

1. Di manakah biasanya pertanian bandar dilakukan?
2. Nyatakan faedah kepada masyarakat yang menjalankan pertanian bandar secara kecil-kecilan.
3. Jelaskan dua peranan sekolah dalam mendidik murid-murid meminati bidang pertanian.
4. Huraikan punca-punca generasi muda kurang meminati bidang pertanian.

TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 6**[40 markah]****TEMA: EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN**

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

EKONOMI MALAYSIA BERKEMBANG PROGRESIF

Malaysia dijangka pulih semula daripada kelembapan global apabila disokong oleh pertumbuhan progresif ekonomi domestik dan unjuran prestasi ekonomi dunia yang meyakinkan pascapandemik. Sejak tiga tahun lepas, kita telah menyaksikan banyak perubahan dalam landskap global termasuk ketegangan geopolitik dan perubahan kerajaan dunia. Selain itu, pasaran kewangan yang tidak menentu juga memberi tekanan kewangan kepada ramai orang termasuk rakyat Malaysia. Walaupun Malaysia dijangka kekal mengalami pasaran tidak menentu terutamanya bagi pasaran ekuiti yang disebabkan ketidaktentuan global, namun negara dijangka terus mendapat tarikan kerana pasaran berada di bawah nilai. Dari segi faedah prospek pasaran tempatan pula, ekonomi negara kembali stabil dan berjaya meyakinkan pelabur asing ke negara ini.

Dipetik dan diubah suai daripada
Berita Harian 19 Februari 2023

SOALAN

1. Mengapakah Malaysia dijangka pulih semula daripada kelembapan global?
2. Apakah faedah prospek pasaran tempatan?
3. Jelaskan dua kesan kepada rakyat sekiranya ekonomi negara tidak stabil.
4. Huraikan peranan-peranan kerajaan untuk mengurangkan beban rakyat akibat ketidakstabilan ekonomi.

TAMAT


BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 7

[40 markah]

TEMA: KESIHATAN DAN KEBERSIHAN

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PENGAMBILAN VITAMIN D



Masyarakat kini mengutamakan pengambilan vitamin C dalam diet harian kerana khasiatnya dalam meningkatkan sistem imun badan sehingga ada yang terlupa kepentingan vitamin D sebagai elemen yang perlu ada dalam tubuh. Disebabkan kelekaan ini, semakin ramai rakyat Malaysia didiagnosis kekurangan vitamin D. Vitamin D diperlukan untuk membentuk tulang yang kuat kerana membantu penyerapan kalsium dalam diet. Vitamin D boleh dihasilkan oleh tubuh apabila kulit terkena cahaya matahari. Selain itu, vitamin D juga ada dalam bentuk semula jadi daripada pelbagai sumber makanan. Antara gejala kekurangan vitamin D ialah rasa sakit tulang dan lemah otot. Tahap vitamin D yang rendah dalam tubuh juga boleh meningkatkan risiko seperti kematian akibat penyakit kardiovaskular dan serangan asma yang teruk dalam kalangan kanak-kanak.

Dipetik dan diubah suai daripada
Harian Metro 1 November 2020


SOALAN

1. Apakah sebab masyarakat kini mengutamakan vitamin C?
2. Nyatakan gejala kekurangan vitamin D.
3. Jelaskan dua kelebihan apabila mempunyai badan yang sihat.
4. Huraikan punca-punca masyarakat kurang mengutamakan penjagaan kesihatan.

TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 8**[40 markah]****TEMA: KESELAMATAN**

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PENCEROBOHAN PERAIRAN MALAYSIA

Percubaan menceroboh sempadan perairan negara dikesan meningkat secara drastik sejak sempadan negara dibuka semula selepas pandemik COVID-19. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia bertanggungjawab menangani semua kes jenayah di laut. Selain percubaan kemasukan pendatang tanpa izin, agensi ini turut mengesan pencerobohan nelayan asing yang cuba menghampiri pulau di sempadan negara dan ada yang terbabit dalam jenayah penyeludupan. Di samping itu, terdapat kumpulan etnik Rohingya yang cuba memasuki perairan negara namun berjaya disekat oleh pihak berkuasa. Nelayan Vietnam pula begitu berani melakukan pencerobohan di Pulau Tioman untuk menangkap ikan. Mereka ini telah ditangkap oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan akan dikenakan tindakan mengikut undang-undang.

Dipetik dan diubah suai daripada
Berita Harian 17 Mei 2022

SOALAN

1. Siapakah yang bertanggungjawab menangani kes-kes jenayah di laut?
2. Nyatakan tindakan kepada pihak yang berani melakukan pencerobohan di Pulau Tioman.
3. Jelaskan dua peranan masyarakat untuk mengatasi masalah pencerobohan perairan negara.
4. Huraikan langkah-langkah pihak sekolah untuk memastikan keselamatan murid.

TAMAT